

16/05/2000

Tiga teras tingkat martabat pendidik

HARI ini, pendidik seluruh negara menyambut perayaan yang ditunggu-tunggu, Hari Guru peringkat kebangsaan, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh.

Untuk berkongsi kemeriahan menyambut perayaan bermakna itu, wartawan Berita Harian, Syuhada Choo Abdullah, mengadakan wawancara khas dengan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah, berhubung profesion keguruan tanah air.

BERITA HARIAN (S) : Berbicara mengenai martabat guru, apa pandangan Datuk sikap masyarakat yang sering membandingkan guru sekarang dengan zaman dahulu.

DR ABDUL SHUKOR (J) : Sejak kebelakangan ini, kita banyak membaca dalam media massa mengenai pendapat orang ramai yang mengatakan bahawa guru masa kini tidak begitu bertanggungjawab atau tidak seperti guru pada masa dahulu. Selain itu, mereka juga memberikan perbandingan terhadap sikap guru sekarang dan pendidik yang dulu.

Sebenarnya, pendapat negatif itu mungkin disebabkan sekarang, minat awam terhadap pendidikan semakin meningkat. Ibu bapa kini lebih berpendidikan dan menyedari kepentingan pendidikan. Apabila minat masyarakat terhadap pendidikan bertambah, harapan ibu bapa terhadap pembangunan pendidikan di kalangan anak mereka turut menjadi amat tinggi. Berikutan itu, orang yang melaksanakan tugas pendidikan di harap memainkan peranan lebih besar dan profesional kerana masyarakat tahu bahawa dalam zaman moden sekarang, pendidikan amat penting untuk mobiliti sosial.

Sebagai contoh, sekiranya dulu ibu bapa dalam bidang pertanian menganggap pendidikan tinggi tidak perlu untuk anak mereka tetapi sekarang, ibu bapa dan masyarakat tahu bahawa kemajuan diri seseorang itu banyak bergantung kepada pendidikan. Maknanya, ada penekanan terhadap guru untuk berperanan lebih profesional. Justeru jika masyarakat berpandangan bahawa guru kurang berkemahiran ataupun profesional, mereka akan tegur. Ini kerana jangkakan mereka adalah tinggi.

Maka sebenarnya, bukan dikatakan guru sekarang tidak begitu bertanggungjawab berbanding guru pada masa dahulu. Tidak, cuma apa yang berlaku ialah guru sekarang menghadapi tekanan dan permintaan yang bertambah. Hanya sebilangan guru yang mampu menghadapi tekanan ini.

Misalnya kini ibu bapa melihat kemahiran pengkomputeran penting bagi seseorang guru, yakni mengajar melalui teknologi komputer adalah sesuatu yang amat perlu. Bagaimanapun, kita mengakui bahawa ada sebilangan guru memang tiada kemampuan dalam bidang itu. Ini salah satu faktor mengapa kita tidak boleh membandingkan guru masa dulu dengan sekarang.

Begitu juga dalam soal martabat profesion keguruan. Kita tidak boleh mengatakan bahawa martabat guru dulu tinggi dan martabat guru sekarang sudah rendah. Ini kerana istilah pendidikan kini sudah meluas dan semakin berkembang pesat. Justeru, perbezaan martabat itu bukanlah disebabkan ada sikap negatif di kalangan guru, sebaliknya kerana konsep pendidikan sudah berubah, minat awam terhadap pendidikan meningkat dan permintaan ke atas peranan profesion keguruan bertambah. Mungkin ada betulnya terdapat guru berkelakuan negatif tetapi itu bukan punca perbezaan martabat profesion keguruan pada masa dulu dengan sekarang.

S : Apakah matlamat, harapan dan pengertian yang tersirat di sebalik tema Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini, 'Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan'?

J : Tema yang kita pilih tahun ini ialah 'Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan'. Bagi saya, asas martabat guru ialah profesionalisme dan juga dinilai dalam soal berguru, yakni bagaimana seseorang guru itu mengajar dengan baik dalam bilik darjah sehingga pelajar dapat belajar dengan baik dan berkesan.

Sehubungan itu pada alaf baru ini, martabat guru adalah berteraskan tiga, iaitu pertama, profesionalisme yang tinggi dan dalam soal profesionalisme ini, guru perlu mempunyai dua ilmu. Satu, ilmu 'content'. Misalnya jika seseorang itu adalah guru Geografi, beliau mesti mempunyai ilmu Geografi yang mendalam supaya boleh menyampaikan selengkap-lengkap ilmu berkenaan kepada pelajar. Dua, ilmu pedagogi, yakni guru mesti tahu bagaimana kaedah pengajaran yang baik dan berkesan.

Kedua, martabat guru juga adalah ditentukan oleh kelakuannya. Guru mesti ada karakter dan tahu berkelakuan, termasuk tahu cara pertuturan yang baik dan sesuai dengan pelajar, sabar, tahu bagaimana membantu dan tidak mengetepikan seseorang pelajar yang lemah, tahu bagaimana memberi perhatian kepada pelajar, tahu menguasai situasi dalam bilik darjah, tahu etika berpakaian ke sekolah serta tahu menjalinkan hubungan positif dengan pelajar dan ibu bapa. Semua ini adalah penting sebagai kod kelakuan dan etika profesion yang perlu dipegang.

Ketiga dalam soal martabat ini ialah pengiktirafan. Maknanya, kita bekerja mesti mendapat pengiktirafan daripada pelanggan kita, iaitu pelajar. Kita mahu pelajar mengatakan bahawa seseorang guru mereka adalah baik dalam semua segi seperti dari aspek pedagogi mahupun kelakuan. Jika kita bekerja kuat tetapi tidak mendapat pengiktirafan sebagai seorang guru yang baik oleh pelajar, tiada gunanya.

Sehubungan itu oleh kerana abad ke-21 adalah berbeza dengan abad ke-20 dengan isu globalisasi, jurang digital dan masyarakat berilmu, saya melihat sudah sampai masanya guru memartabatkan diri mereka.

S : Apakah persediaan yang perlu dibuat oleh guru untuk menghadapi cabaran tugas yang semakin meningkat?

J : Guru perlu membuat langkah persediaan secara bersatu dan juga secara individu. Pertama, guru perlu profesional. Kita dapat tahu bahawa kadangkala, ada sebilangan kecil guru yang melanggar tatasusila profesion. Oleh itu, semua guru perlu kembali kepada asas, iaitu guru mengajar dan murid belajar. Jangan terbabit dalam perkara di luar kemampuan dan juga di luar bidang keguruan.

Kedua ialah sebagai seorang guru, mereka mesti jelas mengenai apa yang perlu dan sepatutnya dilakukan dalam bilik darjah. Ketiga, guru mesti bersedia dengan ilmu 'content' yang mendalam. Keempat, guru mestilah fleksibel, iaitu mampu membuat penyesuaian mengikut peredaran zaman.

Selain itu sebagai golongan profesional, guru juga mesti memperluas rangkaian hubungannya dengan ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhan. Mereka tidak boleh berada dalam dunia tersendiri sepanjang masa.

Apa pun, persediaan yang asas ialah seseorang memasuki profesion ini mesti cintakan kerjaya sebagai seorang guru dan juga menyayangi pelajar serta boleh menghadapi pelbagai kerenah kanak-kanak sebagai pelanggan utama.

S : Apakah cabaran yang semakin meningkat dalam profesion keguruan kini?

J : Cabaran guru ialah bagaimana untuk menzahirkan suasana pembelajaran yang berkesan dalam bilik darjah. Ini kerana kita tahu pada masa kini, ramai guru yang menghadapi masalah disiplin pelajar dan mereka perlu menanganinya. Walau apa profesion sekalipun, kita akan melalui pengalaman menghadapi keadaan ekstrim, begitu juga dengan guru yang menghadapi keadaan ekstrim dalam bilik darjah. Ketika ini, ramai pelajar menghadapi masalah personaliti atau masalah keluarga, dan keadaan ekstrim ini semakin meningkat. Soalnya di sini ialah kemampuan seseorang guru itu untuk

mengawal dan menangani keadaan ekstrim berkenaan. Martabat seorang guru yang bagus ialah mereka yang mampu menangani keadaan ekstrim di mana terdapat ramai pelajar di sesebuah sekolah yang menghadapi masalah disiplin. Kita mahu guru mempunyai kemampuan dan keberanian menghadapi cabaran ini. Guru memerlukan kepintaran untuk menangani keadaan ekstrim. Bagaimanapun, kita tahu masih ada guru yang 'lari' daripada menanganinya.

S : Bagaimana pula dengan penekanan terhadap aspek kebajikan guru?

J : Kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada kebajikan guru. Kita mahu guru di negara ini bertugas dengan selesa. Pertama keselesaan mereka ketika berada dan menjalankan tugas di sekolah. Sehubungan itu, kita menyediakan bilik guru dan juga infrastruktur sokongan yang lain seperti kemudahan kipas dan alat pengajaran yang mencukupi, berbanding sesetengah negara membangun lain yang sehingga ke tahap tiada kipas angin ataupun meja dan kerusi.

Kedua, kita juga mahu guru mendapat ganjaran berpatutan supaya setanding dengan profesion lain. Maknanya, janganlah gaji guru terlalu rendah dan saya berpendapat buat masa ini, gaji guru adalah lebih kurang sama dengan kakitangan dalam perkhidmatan awam yang lain.

Ketiga, kita berusaha menjaga kebajikan guru dari aspek perumahan kerana mereka bertugas di merata tempat, malah sehingga di pedalaman di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, kerajaan berusaha membina rumah guru tetapi sukar untuk kita menyediakan rumah kepada semua guru di seluruh negara. Itu adalah satu kesukaran tetapi kita tetap berikhtiar untuk menyediakan seberapa banyak rumah yang boleh kepada guru yang memerlukannya.

Keempat dari segi peluang kenaikan pangkat. Ketika ini, mereka dalam perkhidmatan pendidikan berpeluang naik pangkat melalui tiga cara, iaitu berdasarkan hakiki dan kekananan, skim guru cemerlang dan time-based promotion. Peluang sebegini tiada dalam profesion lain.

Justeru, kita berusaha memelihara dan menyediakan kemudahan untuk kebajikan guru dengan sebaik mungkin. Kerajaan sudah memperuntukkan kewangan yang besar untuk memperbaiki kebajikan guru. Namun disebabkan profesion keguruan adalah terlalu besar, ada sesetengah aspek kebajikan itu tidak dapat disediakan.

S : Akhir sekali sempena Hari Guru, apakah nasihat dan seruan Datuk kepada pendidik di seluruh negara?

J : Kita bertugas dengan hati yang murni, ikhlas dan juga mempunyai sikap untuk memajukan diri supaya pelajar mendapat kepuasan daripada sumbangan bakti kita, serta bertindak sebagai seorang profesional.

(END)